

MENTORAN:  
DALAM KALANGAN  
USI PENGAJIAN



ID: 2 - 6

**PERANAN AKTIVITI-AKTIVITI KOLEJ DALAM  
PEMBANGUNAN KEPIMPINAN: SEBUAH KAJIAN  
EXPLORASI PENGALAMAN PELAJAR DI KOLEJ  
KEDIAMAN UNIMAS**

<sup>\*\*1</sup> Wan Sofiah Meor Osman, <sup>2</sup> Wan Robiah Meor Osman, <sup>3</sup> Wan Adnawani Meor Osman,  
<sup>4</sup> Wan Ummi Kalsom Meor Osman

Answers from research

Developmental Assets and  
Journal, 10:2, 141-162, DOI:

Journal. *American Journal*

Developmental Assets and  
*Journal*, 10(2), 141-162.

R. Silbereisen, & R.  
Publications Ltd. doi:

Journal. London: Sage

Journal prevention: Toward

Journal relationship failures.

Journal, 22 (2), 183-209.

Kellaghan, (Eds.), The  
Journalishers.

Journalns. (Chapter 19). San

Journal2005). Conceptualizing  
Journalence. *Journal of Early*

Journalself regulation, lower  
Journal. *Journal of Youth and*

JournalCambridge University

Journalctice. Boston: Harvard

**Kata Kunci**

*Kepimpinan*

*Pengalaman Pelajar*

*Keterlibatan Pelajar*

*Kolej Kediaman*

Pembangunan kepimpinan dalam kalangan pelajar merupakan salah satu aspek penting dalam kelangsungan tonggak pimpinan negara bangsa. Hal ini seiring dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang dirangka dengan visi nasional untuk mentransformasikan pengajian tinggi dalam memacu kecemerlangan dan kelestarian pembangunan modal insan minda kelas pertama khususnya dan pembangunan kepimpinan amnya. Oleh hal yang demikian, kolej-kolej kediaman universiti merupakan salah satu platform dalam mencorak dan membentuk pembangunan kepimpinan serta sahsiah pelajar yang dapat memenuhi keperluan pembangunan modal insan minda kelas pertama. Hal ini dapat dilihat menerusi penglibatan aktif pelajar-pelajar dalam aktiviti-aktiviti sama ada bersifat kolegiat atau yang berimpak tinggi seiring dengan gagasan PSPTN yang bermatlamat untuk membangunkan modal insan yang mempunyai keupayaan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang unggul. Oleh itu, kajian ini memanfaatkan kaedah kualitatif dengan pendekatan fenomenologi bagi mengkaji peranan aktiviti-aktiviti kolej dalam pembangunan kepimpinan berdasarkan pengalaman pelajar-pelajar. Temu bual dijalankan secara mendalam (*in-depth interview*) melibatkan empat orang pelajar yang dipilih melalui purposive sampling dan data dianalisis menggunakan thematic analysis. Kaedah kajian ini dilihat berupaya menghasilkan data yang kaya dalam memperjelaskan serta memperhalusi pengalaman pelajar-pelajar dalam pembangunan kepimpinan di kolej kediaman. Kertas kerja ini turut membincangkan implikasi kajian terhadap pelajar-pelajar dan kolej kediaman secara spesifik dan universiti secara umum di samping mengemukakan cadangan-cadangan berkaitan peranan aktiviti-aktiviti kolej dalam pembangunan kepimpinan.

<sup>\*\*1</sup> Wan Robiah Meor Osman, Universiti Malaysia Sarawak (H/P no.: 017-3505768; e-mel: mowrobiah@cls.unimas.my)

<sup>2</sup> Wan Sofiah Meor Osman, Universiti Malaysia Sarawak (e-mel: mowsofiah@fcs.unimas.my).

<sup>3</sup> Wan Adnawani Meor Osman, Universiti Malaysia Terengganu (e-mel: adnawani@yahoo.com)

<sup>4</sup> Wan Ummi Kalsom Meor Osman, Universiti Teknologi MARA (e-mel: wkalsom@hotmail.com)





## PERANAN AKTIVITI-AKTIVITI KOLEJ DALAM PEMBANGUNAN KEPIMPINAN: SEBUAH KAJIAN EXPLORASI PENGALAMAN PELAJAR DI KOLEJ KEDIAMAN UNIMAS

\*\*<sup>1</sup> Wan Sofiah Meor Osman, <sup>2</sup> Wan Robiah Meor Osman, <sup>3</sup> Wan Adnawani Meor Osman, <sup>4</sup> Wan Ummi Kalsom Meor Osman

2-6

### 1. PENDAHULUAN

Pembentukan kepimpinan dalam kalangan pelajar khususnya menjadi teras dalam pembangunan sesebuah negara bangsa. Dalam hal ini, institusi pengajian tinggi berperanan penting dalam melahirkan dan membangunkan modal insan berkualiti dan mempunyai minda kelas pertama seiring dengan saranan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Melangkaui Tahun 2020. Kebijaksanaan pemikiran dan pengurusan seseorang pemimpin menjadi kayu ukur kepada sesebuah kejayaan sama ada dalam organisasi atau pada peringkat pentadbiran negara. Oleh hal demikian, aspek kepimpinan sangat penting diasah serta diterapkan kepada pelajar melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan agar bakat kepimpinan ini dapat dipupuk serta dikembangkan. Kepentingan aspek kepimpinan ini juga dapat dilihat menerusi salah satu modul pembangunan kemahiran insaniah pengajian tinggi (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia [KPTM], 2006).

Ciri-ciri kepimpinan yang dikehendaki juga dapat dilihat melalui matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang berhasrat agar seseorang insan itu dapat memanfaatkan ilmu ke arah kecemerlangan diri dan mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat serta negara (Buntat & Haron, 2008). Istilah 'kepimpinan' mempunyai kerencaman dimensi dan perspektif yang menjurus kepada kepelbagaian makna. Wujud pelbagai definisi yang telah dikemukakan oleh penyelidik-penyelidik (Burke, 2006; Chek Mat, 2003; Howell & Costley, 2006; Koestenbaum, 2002; Linstead, Fulop & Lilley, 2009; Mamat, 2007; Northouse, 2004; Pearman, 1998; Robbins, Millett, Cacioppe, Waters-Marsh, 2001; Yukl, 2002; Z. Zakaria & Zakaria, 2006). Konsep kepimpinan boleh dilihat menerusi aspek proses kumpulan, personaliti, tindakan dan tingkah laku, hubungan kuasa, instrumen pencapaian maklumat dan kemahiran (Northouse, 2004). Manakala menurut Chek Mat (2003) kepimpinan terbahagi kepada lima kemahiran iaitu kemahiran menggunakan peluang, kemahiran berkomunikasi secara berkesan, kemahiran berorganisasi, kemahiran menggunakan masa dan kemahiran membuat keputusan.

Selain itu, Yukl (2002) menjelaskan bahawa kepemimpinan dapat dikategorikan kepada tiga kriteria utama iaitu kriteria sebagai pemimpin, kriteria sebagai pengikut dan kriteria kepada persekitaran. Oleh hal yang demikian, kepelbagaian pentafsiran kepimpinan oleh penyelidik-penyelidik menunjukkan peri pentingnya elemen kepimpinan dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara bangsa. Hal ini juga telah ditegaskan dalam satu hadis riwayat oleh Abdullah bin Omar yang bermaksud:

*"Setiap seorang dari kamu adalah pemimpin. Justeru, kamu adalah bertanggungjawab terhadap mereka yang berada di bawah pimpinan kamu. Ketua negara bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Ketua keluarga adalah pemimpin dalam keluarga. Khadam atau orang gaji adalah pemimpin atau pengawal. Justeru, ia bertanggungjawab menjaga harta tuannya dan ia akan ditanya mengenai hal di bawah jagaannya"* (Syd Zin, 2008, ms. 209).